



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### NEGERI PERLIS DIPILIH SEBAGAI HAB PERPADUAN ZON UTARA

---

**KUALA PERLIS, 29 JUN 2024** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Fai-zuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil bercemar duli dalam Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Perlis di Laman Brasmana, Kuala Perlis, hari ini.

Bertemakan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian**, Sambutan Minggu Perpaduan diadakan dengan objektif untuk **mengukuhkan semangat patriotisme, nilai perpaduan, dan hubungan antara kaum sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI**. Pada tahun ini, Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) dianjurkan secara tiga (3) peringkat iaitu Jelajah Kembara Perpaduan, Sambutan Minggu Perpaduan dan Karnival Perpaduan dengan pelbagai pengisian menarik yang menonjolkan seni, warisan, adat dan budaya rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa.

Negeri Perlis bakal menerima **Kompleks Perpaduan Pertama menempatkan ruang Jentera Perpaduan secara bersepadu** dan akan menjadi contoh bagi kompleks perpaduan yang akan dirancang pembinaan di seluruh negara kelak. Kompleks yang bernilai RM16.8 juta ini bakal menempatkan Pejabat Perpaduan Perlis, Dewan Serbaguna, TABIKA dan TASKA Perpaduan, Bilik Operasi Pusat Rukun Tetangga, Bilik Operasi Mediator Komuniti dan lain-lain kemudahan awam.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “**Negeri Perlis boleh diangkat menjadi Hab Perpaduan untuk Zon Utara** di mana lebih banyak program perpaduan dapat dilaksanakan yang turut memberi faedah kepada komuniti setempat. Tambah beliau lagi, pelbagai aktiviti di bawah Kembara Perpaduan yang potensi dianjurkan adalah seperti program komuniti Rahmah, karnival ekonomi komuniti, KRT Progresif, Sukan Uniti, dan Sambutan Perayaan dapat dilaksanakan”.

Selain itu, Kementerian akan sentiasa menyokong usaha Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Perlis bagi mewujudkan **Pintu Gerbang KRT di seluruh KRT Negeri Perlis**.

Pintu Gerbang KRT Negeri Perlis akan menjadi mercu tanda sebagai pengenalan kepada kewujudan KRT di kawasan. Selain itu, ini juga akan menjadi sebahagian promosi kepada Tahun Melawat Perlis 2024 - 2025 yang mengetengahkan kehidupan komuniti setempat.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

29 Jun 2024

---

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)